



KENYATAAN TAWARAN TENDER

1. Pembekal adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kod bidang yang berkaitan dan kriteria berkaitan seperti berikut:

KETERANGAN TAWARAN:

NO. TENDER	TAJUK
SKM/01/2026	TENDER PERKHIDMATAN PEMBEKALAN DAN PELAKSANAAN SISTEM KEWANGAN BAHARU SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA - <i>FINANCIAL SYSTEM (SKM-FS)</i> SECARA LANGGANAN YANG MELIBATKAN AKTIVITI ANALISIS, REKA BENTUK, PENYEDIAAN (<i>SETUP</i>), KONFIGURASI, PENYESUAIAN (<i>CUSTOMISATION</i>), PENGUJIAN, INTEGRASI, MIGRASI, LATIHAN, PENTAULIAHAN DAN PENYELENGGARAAN SISTEM UNTUK SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

JENIS TAWARAN : Terbuka

KOD BIDANG : 210104

210104 : *Software/System development/Customization and maintenance including data entry, data processing*

TARIKH MULA TAWARAN : 03/04/2026 (Jumaat)

TARIKH TUTUP TAWARAN : 13/05/2026 (Rabu)

MAKLUMAT TAKLIMAT:

TARIKH	:	14/04/2026 (Selasa)
MASA	:	10.00 PAGI
TEMPAT	:	DEWAN PERDANA, ARAS G SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA, CHANGKAT SEMANTAN, OFF, JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA, 50490 KUALA LUMPUR
*hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) sahaja yang boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak dan TIDAK BOLEH mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil. Sila bawa bersama-sama SALINAN SIJIL tersebut bagi pengesahan. Kehadiran adalah DIWAJIBKAN bagi syarikat yang ingin menyertai tender.		

TEMPOH SAH LAKU : 360 hari

HARGA DOKUMEN (*SOFT COPY*) : RM50.00 (Melalui Sistem Tenderwizard)

2. Hanya petender yang telah berdaftar **SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)** dengan pihak SKM sahaja yang layak menyertai Tender ini. Pendaftaran sebagai pembekal dengan pihak SKM boleh dilakukan secara atas talian (*online*) www.tenderwizard.my/SKM (klik pada ruangan 'Register Me' untuk pendaftaran baru).
3. Semua petender akan dikenakan Yuran Pendaftaran sebanyak **RM200.00** yang perlu dibayar kepada pihak pembekal sistem. Akaun akses ini hanya akan diaktifkan selepas petender melengkapkan permohonan secara *online* dan menjelaskan Yuran Pendaftaran. Pembayaran yuran pendaftaran boleh dibuat dengan menggunakan kemudahan kad kredit atau FPX (*online banking*) secara *online*. Yuran Pendaftaran ini adalah sah untuk tempoh satu tahun sahaja dan perlu diperbaharui untuk tahun berikutnya.
4. Dokumen Tender ini akan mula tersedia untuk dimuat turun **03/04/2026 (Jumaat)** secara atas talian melalui laman sesawang www.tenderwizard.my/SKM. Manakala tarikh tutup tender ini adalah pada **13/05/2026 (Rabu) jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima dari masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua dokumen tender yang telah dilengkapkan **WAJIB** dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem secara atas talian melalui laman sesawang www.tenderwizard.my/SKM.
6. Sebarang pertanyaan berkaitan tender ini boleh dirujuk ke alamat berikut :

**Unit Perolehan
Bahagian Kewangan**
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Aras 10, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, 50490 Kuala Lumpur
Puan Norshuhadah binti Abd Malik – 03 20834043 / norshuhadah@skm.gov.my
Puan Nor Fadlin binti Ahmad – 03 20834000 samb 4584 / norfadlin@skm.gov.my

7. Sebarang pertanyaan berkaitan penggunaan sistem perolehan atas talian SKM boleh dirujuk ke pegawai berikut :

Tender Pintar Sdn Bhd
Unit A-5, Block A, Level 5
Sunway PJ51A, Jalan SS9a/19, Seri Setia,
47300 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Phone : 03 79627870 / 7947 / 7957 / 7819 / 7866 / 7831
E-mel: support@tenderpintar.com

8. Petender hendaklah mengambil maklum berkenaan **fi perkhidmatan** sebanyak **0.8%** bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem Tenderwizard SKM yang **dikenakan oleh pihak Tender Pintar Sdn Bhd** kepada petender yang berjaya, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta. **8% cukai perkhidmatan** dari fi perkhidmatan tenderwizard juga akan dikenakan.